PANEL 01

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)
PERSISIRAN SUNGAI BATU PAHAT, JOHOR

KEPERLUAN PENYEDIAAN RKK

KEPERLUAN PERUNDANGAN

SEKSYEN 16B (1) AKTA 172

- Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri) atau Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan boleh menyampaikan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) cadangan untuk menyediakan penetapan (RKK) bagi suatu kawasan khas.
- RKK boleh disediakan semasa penyediaan atau setelah berkuatkuasanya sesuatu Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan.

SEKSYEN 16B (2) AKTA 172

- Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) akan menentukan sama ada Pengarah JPBD Negeri atau PBPT yang berkenaan diberi tanggungjawab menyediakan RKK.

SEKSYEN 16B (3) AKTA 172

- RKK hendaklah disediakan dengan prosedur atau cara yang sama sebagaimana Rancangan Tempatan disediakan.
- RKK hendaklah mengandungi panduan yang terperinci berkenaan cara-cara pelaksanaan dan pengurusannya.
- RKK hendaklah mempunyai kuat kuasa seperti suatu Rancangan Tempatan.

Rancangan Kawasan Khas (RKK) adalah hierarki terakhir dalam sistem perancangan pemajuan yang mana melibatkan perincian cadangan disediakan mengikut peruntukan Seksyen 16B, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172].

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KEEMPAT

(Seksyen 6B, Akta 172)

Merumuskan dasar-dasar strategik menentukan haluan dan arah aliran pemajuan fizikal dan guna tanah negara, koridor pembangunan dan perindustrian serta pemuliharaan sumber-sumber.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR 2030

(Seksyen 8, Akta 172)

Dokumen penyataan bertulis yang merumuskan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam sesebuah negeri.

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATU PAHAT 2030 (P)

(Seksyen 12, Akta 172)

Menerangkan perincian cadangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memaju dan menggunakan tanah, memperelokkan landskap, memperbaiki sistem berkomunikasi dan lalu lintas, membangunkan tanah lapang serta memelihara dan mengindahkan bangun dalam kawasan PBT itu.

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS PERSISIRAN SUNGAI BATU PAHAT

(Seksyen 16B, Akta 172)

Disediakan untuk tujuan pelaksanaan segera yang mengandungi cadangan dan panduan terperinci bagi pengolahan yang khas untuk sesuatu kawasan yang ditetapkan. Hasil utama RKK ialah pelan tindakan pembangunan atau pelan pengurusan atau kedua-duanya sekali.

KEPERLUAN PERANCANGAN

01

MENYEDIAKAN PERANCANGAN FIZIKAL GUNA TANAH YANG KONDUSIF

02

MERANCANG PEMBANGUNAN PELABUHAN *BARTER TRADE* SECARA BERPUSAT MELALUI PENDEKATAN *SMART ECONOMY* DAN BERDAYA SAING SELARAS DENGAN HASRAT PIHAK BERKUASA NEGERI (PBN) DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT);

03

MENGALAKKAN PELABURAN DAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAERAH DAN NEGERI MELALUI PENYUSUNAN SEMULA AKTIVITI PENGGUNAAN TANAH, PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR YANG TERANCANG DAN MENGOPTIMAKAN SUMBERJAYA

06

MENYELARASKAN PEMBANGUNAN DENGAN DASAR-DASAR DAN HALATUJU STRATEGIK PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN DAERAH

05

MENINGKATKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR DAN NILAI BIODIVERSITI; DAN

04

MENYEDIAKAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI BAGI MENGURUS RISIKO BENCANA